

MCA Hantar 1,000 Tan Bantuan Makanan, Pakaian Ke Pantai Timur - Wee Bernama
Jan 9, 2015

KOTA BAHARU, 9 Jan (Bernama) -- MCA telah menghantar sekurang-kurangnya 1,000 tan bekalan makanan dan pakaian kepada mangsa banjir di pantai timur setakat ini, kata Timbalan Presidennya Datuk Dr Wee Ka Siong.

Beliau berkata bekalan itu dihantar bermula 26 Dis lepas dengan tumpuan utama di Kuala Krai dan Gua Musang.

"Penghantaran fasa pertama bantuan makanan tersebut dilakukan menggunakan jalan udara (helikopter) kerana kedua-dua jajahan berkenaan tidak dapat dihubungi menggunakan jalan darat.

"Manakala fasa kedua ini, kami akan fokus kepada keperluan asas penduduk seperti tilam dan pakaian sekolah untuk murid-murid terjejas banjir," katanya selepas menyerahkan bantuan pakaian seragam persekolahan kepada pelajar terjejas dengan bencana alam itu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Cheng di sini hari ini.

Sebanyak 6,303 helai pakaian seragam diserahkan pada majlis berkenaan dan akan diagihkan kepada 15 SJKC, dua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) dan sebuah sekolah cina persendirian di negeri ini.

Dalam pada itu, Wee yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berharap kerajaan negeri pimpinan PAS dapat mempertingkatkan agihan bekalan air bersih kepada penduduk.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099289>